

RM2.05b untuk vaksin 80 peratus rakyat Malaysia

m/s: 2

BH - 23/12/2020

Kerajaan dalam proses rundingan akhir dengan tiga lagi syarikat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: “Kerajaan dalam proses rundingan akhir dengan syarikat farmaseutikal Sinovac, CanSino dan Gamaleya bagi mendapatkan tambahan jaminan bekalan vaksin melebihi 80 peratus jumlah populasi negara atau 26.5 juta,” kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Terbaru, Perdana Menteri berkata, kerajaan menandatangani perjanjian dengan syarikat farmaseutikal, AstraZeneca bagi memperoleh 6.4 juta dos vaksin COVID-19, iaitu tambahan 10 peratus lagi kepada bekalan vaksin yang bakal diterima negara.

“Sebelum ini, kerajaan sudah menandatangani perjanjian awal dengan fasiliti COVAX dan Pfizer bagi perolehan vaksin dan jaminan bekalan sebanyak 30 peratus liputan populasi.

“Ini bermakna jaminan bekalan vaksin sebanyak 40 peratus sudah diperolehi menerusi perjanjian bersama fasiliti COVAX, syarikat Pfizer dan AstraZeneca.

“Jumlah 80 peratus ini adalah melebihi sasaran awal kita, iaitu untuk memberikan vaksin kepada 70 peratus rakyat Malaysia,” katanya menerusi rakaman video



Muhyiddin pada perutusan khas menerusi video mengenai perkembangan terkini pemberian vaksin COVID-19 untuk rakyat Malaysia disiarkan RTM, semalam. (Foto ihsan PMO)

berhubung perkembangan terkini isu itu yang disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Perdana Menteri berkata, menerusi semua rundingan dan perjanjian yang sudah dan akan dimeterai setakat ini, kerajaan akan membelanjakan keseluruhan AS\$504.4 juta (RM2.05 bilion).

Pada 24 November lalu, Malaysia mengumumkan akan mendapatkan bekalan awal sebanyak 12.8 juta dos vaksin COVID-19 daripada Pfizer bagi menampung keperluan imunisasi 20 peratus atau seramai 6.4 juta rakyat negara ini

secara percuma.

Menerusi perjanjian itu, Pfizer menjanjikan penghantaran sebanyak sejuta dos pada suku pertama 2021, disusuli 1.7 juta dos pada suku tahun kedua, 5.8 juta dos pada suku tahun ketiga dan seterusnya 4.3 juta dos pada suku tahun keempat.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, perjanjian dengan Sinovac, CanSino serta Gamaleya juga akan memberi nilai tambah kepada sektor sains dan teknologi tempatan yang bakal memberi pulangan kepada rakyat serta pembangunan negara.

STATUS PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 MALAYSIA

Jumlah awal perbelanjaan pembelian Vaksin COVID-19

(Setakat 22 Disember 2020)

AS\$504.4 juta
(RM2.05 bilion)



untuk



26.5 juta rakyat

(*82.8%) liputan populasi

* Anggaran populasi Malaysia 32 juta

Vaksin akan diberikan

PERCUMA











kepada rakyat Malaysia

Sumber: Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV)

Grafik BH

STATUS PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 MALAYSIA

Maklumat vaksin

SENARAI VAKSIN	JUMLAH DOS	TAHAP BERKESANAN INTERIM	SUHU PENYIMPANAN	TEKNOLOGI VAKSIN
 (Amerika Syarikat)		95%	-70 °C	mRNA
 (United Kingdom)		60% - 90%	2 - 8 °C	Adenovirus
 (China)		Akan diumumkan	2 - 8 °C	Virus tak teraktif
 (China)		Akan diumumkan	2 - 8 °C	Adenovirus
 (Russia)		91.4%	-20 °C	Adenovirus

Sumber: Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV)

Grafik BH

“Ini termasuklah melakukan proses pembotolan vaksin dalam negara, penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian pengetahuan dan pemindahan teknologi,” katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan akan terus mengadakan rundingan dengan syarikat farmaseutikal lain bagi memastikan negara mempunyai jaminan akses beka-

lan vaksin mencukupi.

“Vaksin yang diperolehi ini akan dipastikan selamat dan berkesan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar usaha mencegah pandemik COVID-19 daripada terus menular adalah penting bagi memastikan keadaan ekonomi rakyat dan negara dapat dibaik pulih pada kadar segera.